

20 OCT 2001

BELANJAWAN-SAMSUDIN

IKTIRAF PENTINGNYA GALAKAN YANG DIBERIKAN, KATA SAMSUDIN

KUALA LUMPUR, 20 Okt (Bernama) -- Sungguhpun banyak yang menyuarakan kekecewaan mereka bahawa tiada pengurangan kadar cukai korporat, seseorang itu perlu melihat kepada pentingnya beberapa galakan diberikan di dalam Belanjawan 2002, satu kumpulan perbincangan panel diberitahu hari ini.

Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr Samsudin Hitam berkata tumpuan adalah kepada sektor tertentu mana perlu digalakkan dan diberikan insentif-insentif.

"Sebagai contoh, elaun pelaburan semula adalah pada akhir lima tahunnya, jadi kita menumpukan kepada ini tidak sebaliknya secara menyeluruh," katanya semasa perbincangan panel pasca Belanjawan anjuran Persatuan Ekonomi Malaysia.

Pada Belanjawan yang dibentangkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dewan Rakyat semalam, adalah dicadangkan bahawa elaun pelaburan semula modal 60 peratus dilanjutkan kepada 15 tahun kepada pembuatan dan syarikat-syarikat makanan tertentu.

Sungguhpun kerajaan telah menerima banyak pandangan supaya mengkaji semula cukai korporat, katanya, seseorang itu tidak patut melihat kepada kadar sekarang tetapi sebaliknya kadar berkesan kerana tidak seperti negara-negara lain, tiada cukai dividen dikenakan di negara ini.

Sebagai contoh, katanya bagi Taiwan, cukai korporat sekarang adalah 25 peratus tetapi cukai dividen adalah 30 peratus, jadi kadar di Malaysia adalah lebih baik daripada banyak negara lain dalam hal ini.

Kepada beberapa soalan mengenai penggunaan dan kenaikan 10 peratus dalam gaji asas kakitangan awam, katanya paras penggunaan sekarang tidak mencapai paras sebelum krisis.

Dan kakitangan awam yang merupakan pengguna tertinggi, diberikan bonus setengah tahun dan juga kenaikan gaji.

"Sekiranya anda bergantung kepada kerja-kerja pembinaan untuk menggalakkan penggunaan, akan terdapat kelambatan. Kita mahu berbelanja sekarang dan itulah sebab kenapa bonus akna dibayar serta-merta, dalam bulan Oktober dan November," tambah beliau.

Mengenai prestasi ekonomi Malaysia, katanya adalah menyenangkan mengetahui bahawa Malaysia tidak beraea di dalam kemelesetan teknikal seperti jiran-jirannya.

Di samping paras hutangnya adalah rendah, dibandingkan dengan Korea Selatan dan Thailand, sementara bagi belanjawan pembangunan, tiada lagi pinjaman daripada Bank Dunia atau pada tahap pelbagai hala, tetapi sebaliknya lebih banyak pinjaman dua hala dibuat dengan Jepun.

Mengenai prospek tahun 2002, beliau berkata Tabung Matawang Antarabangsa (IMF) telah menyatakan keyakinannya terhadap ekonomi AS, seperti digambarkan oleh pasaran sahamnya.

Sementara Malaysia menjangka pertumbuhan 4-5 peratus dalam tahun 2002 daripada 1.0-2.0 peratus dalam 2001, katanya Singapura menjangka pertumbuhan di antara tolak 2.0 hingga 2.0 peratus pada 2002, AS pada 2.2 peratus, Jepun pada 0.2 peratus, Euro pada 2.4 peratus dan China pada 7.1 peratus.-- BERNAMA

SHO KTC OS